

# Qalam

Bilangan 41- Disember 1953- Rabiulawal 1373- 60 Sen

## Sepatah Kata

Pada umumnya pembaca-pembaca telah mengetahui bahawa Tengku Abdul Rahman dan rakannya telah membakar Qalam dan Warta di dalam suatu istiadat di Johor Bahru, yang di dalamnya banyak orang kita mengetahui tentang sifat apakah yang telah dijalankan oleh UMNO pusat tentang kebebasan berfikir dan bersuara di negeri ini; dan Alhamdulillah, dengan tawfik Allah, di dalam masa itu zahir dengan terang, kepada kita semuanya bahawa yang benar itu sudahlah tersalah kerana dengan sendirinya menempelak dirinya sendiri, yang di dalamnya orang-orang telah mengetahui siapa sebenarnya Tengku itu; dan mereka dapat mengukur perdirian Tengku ini kerana bukannya daripada perbuatan itu orang dapat mengukur keadaan dan kebijaksanaan seseorang?

Oleh kerana pada umumnya telah mengetahui peristiwa bersejarah bagi kita maka tidaklah payah kita mengulang lagi perkara itu- hanya yang kita mustahak menarik perhatian pembaca-pembaca ialah tentang usaha dan ikhtiar-ikhtiar kita yang terlebih-lebih lagi membukakan mata umat Islam khususnya dan umat Melayu amnya bahawa kita tidak akan terpengaruh dan mengubah segala tanggungan dan kewajipan kita berkhidmat kepada mereka itu untuk menegakkan kalimah Allah, untuk menyampaikan amanah Rasulullah di dalam khutbahnya yang akhir bahawa “kamu tidak akan sesat sekiranya kamu berpegang kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya”.

Adakah kita menyalahi perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya sekiranya kita tegak berpegang dengan wasiat junjungan kita (SAW)? Adakah kita menjadi pendusta jika kita

mendirikan hak-hak yang telah diamanahkan oleh Rasul dengan berpegang kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya? Demi sesungguhnya hanya orang-orang yang ingkar kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya sahaja yang tidak mempercayai kebenaran ini! Hanya mereka-mereka yang semata-mata pendusta jua yang akan berani menolak kebenaran ini! Hanya mereka-mereka yang membuat fitnah jua yang akan memesonkan kebenaran untuk maslahat diri dan golongannya.

Semenjak daripada Qalam ditubuhkan dengan asasnya mengambil sempena daripada kalimah Allah yang Maha Tinggi maka kita tidak pernah undur daripada mendirikan kebenaran dan hak di dalam agama. Kita dengar terang dan jitu mengatakan barang yang hak walaupun berhadapan dengan siapa jua ada dengan tujuan memelihara umat sekaliannya kepada jalan yang benar-jalan yang manusia tiada akan tersesat daripadanya.

Kita mempunyai keyakinan bahawa umat sekarang tidak lagi sebagai beberapa kurun yang lalu hanya menerima sahaja apa yang dikatakan oleh agama itu, mereka menerima sahaja segala sesuatu yang dikatakan agama dengan tidak pun mengetahui hajat-hajat dan keterangannya. Tetapi sekarang umat mahu kepada tiap-tiap sesuatu itu ada keterangan dan ada hujah-hujahnya dan kerana itulah tatkala kita mengikut jalan ini maka kita tidak akan jadi tersesat kalau segala sesuatu yang kita hadapkan itu kita sandarkan hujah-hujahnya dengan beralasan daripada al-Quran dan al-Hadis. Kalau demikian itu pegangan kita apakah kita pendusta?

Kita dari satu ke satu masa berusaha menarik perhatian pembaca-pembaca kita supaya cenderung kepada pengertian agama, tidak mempermain-mainkan dan menyenda agama, bekerja semata-mata, kerana agama mengikut perintah dan perjanjian serta pengakuan yang dibuat oleh tiap-tiap seorang Muslim. Kita sentiasa faham erti agama itu tidak hanya kepada ibadat tetapi meliputi kepada kehidupan dan pemerintah. Kita bercita-cita menegakkan perpaduan di dalam agama-tidak di dalam kebangsaan yang diharamkan oleh junjungan

kita Muhammad (SAW). Kita mengingatkan tiap-tiap seorang Muslim tentang tanggungan di dalam masyarakat yang ia hidup mencari dan berusaha di dalamnya. Kita menerbitkan penerbitan-penerbitan yang menunjukkan di antara buruk dan baik, menyeru orang-orang mengetahui tawarikh Islam yang bercemerlang, menulis perkara-perkara agama dengan faham-faham yang luas, dan menerbitkan kitab-kitab adab sopan santun yang mulia mengikut ajaran Islam yang kita yakin sangat berfaedah kepada umat Islam yang berperasaan penuh keislamannya. Adakah dengan semua itu merosak akhlak dan membawa mereka itu ke lembah kehinaan? Adakah kita telah menyeru dan membawa umat kepada percampuran yang tidak terbatas? Adakah kita telah menyertai perbuatan mengadakan konserat yang menunjukkan tarian hula-hula dan seumpamanya yang membawa percampuran yang ditegah oleh Allah -kita tidak menyeru kepada yang demikian- apakah ini tidak merosak kepada pemuda harapan bangsa? Comkanlah.

Kita telah juga dituduh memecah-mecahkan umat Islam dan kita dituduh dahulunya kita menganjurkan supaya pertubuhan Islam berdiri kemudian setelah berdiri kita membidas perdirian pertubuhan Islam itu. Semuanya itu benar! Kita, dan kita percaya semuanya umat Islam berhajat kepada suatu pertubuhan bagi mereka, terutamanya bagi menjauhkan dirinya daripada anasir komunis yang dibawa di dalam persuratan Melayu. Tetapi pertubuhan Islam yang kita kehendaki ialah pertubuhan Islam yang menegakkan Parti Disiplin, kerana itu tatkala persatuan Islam semulia ditubuhkan, setelah syor-syor berdisiplin ditolak maka kita menampak bahawa ia hanya akan jadi tempat permainan jua dan akhirnya umat sendiri menampak bahawa kerana tidak ada Parti Disiplin langkahnya tidak maju dan kemudiannya pengikut-pengikutnya berpecah dua seorang ke IMP dan seorang ke UMNO. Akhirnya di mana perdirian pertubuhan itu? Adakah pertubuhan yang boleh dijadikan alat serupa ini yang diharap oleh umat Islam? Oleh itu kita

berharap ahli-ahli pertubuhan itu insaf kepada teguran kita.

Di dalam perpaduan UMNO-M.C.A. kita, dengan terang, memperingatkan supaya berhati-hati dan tidak terus memberi persamaan hak dengan tidak sedikit pun meninggalkan cagaran untuk bangsa Melayu yang akan datang. Sebab-sebabnya ialah oleh kerana kita sentiasa syak atas ketulusan mereka itu yang keadaannya seperti belut di lumpur. Tetapi belum pun sebulan sesudah kejadian di Johor Baharu itu sekarang apa yang kita khuatirkan telah nampak iaitu Naib Yang di-Pertua pertubuhan M.C.A. Singapura mengetuai suatu rombongan (ingat ketua rombongan) orang-orang Cina Malaya kepada Jeneral Chang Kai Syek yang bertujuan seakan-akan memberi taat setia bagi pihak orang-orang Cina Melayu. Dengan perbuatan ini apakah ertinya taat setia mereka? Di mana kedudukan mereka sekarang di hadapan orang-orang Melayu sedang dalam masa belum merdeka lagi mereka telah berterang-terang membuat demikian apa lagi kalau merdeka kelak. Hal ini walaubagaimanapun hendak menafikan dengan mengatakan tidak mewakili M.C.A. Sekalipun orang akan tahu bahawa sememangnya perasaan mereka sudah begitu.

Adakah teguran-teguran dan peringatan-peringatan berterang-terang sama ada yang kita tulis sendiri atau daripada penulis-penulis yang menulis di dalam penerbitan kita akan meruntuhkan perjuangan orang-orang Melayu? Tidakkah umat sekarang berharap kepada teguran-teguran yang mengingatkan supaya mereka berhati-hati kalau memuat sesuatu usaha di atas nama Melayu? Hanya mereka-mereka yang bersifat diktator atau yang tidak berdasarkan permesyuaratan jua yang akan mencela segala teguran yang didatangkan itu.

Di dalam semuanya rasanya kita tidak payah menerangkan dengan majlis perdirian kita kerana kita yakin pembaca-pembaca al-Muhtaramin telah melihat dan mengetahui isi penerbitan kita. Bukan sekali tetapi telah beberapa kali kita menerima tentangan yang hebat atas

(sambungannya pada muka 6)

dalam suatu hadis sahih:

*“Qāla al-nabī (SAW), al-jum‘atu haqq wajib ‘alā kulli Muslim fi jama‘at illa arba‘ah: ‘abd mamluk ‘aw imra‘ah aw sabiyy aw marīd.”*

Ertinya: Nabi (SAW) bersabda: Jumaat itu suatu hak yang wajib atas tiap-tiap orang dengan berjemaah, melainkan empat: hamba milik orang, perempuan, anak kecil, dan orang sakit.”

Dalam pada itu jikalau perempuan atau yang lainnya itu kerjakan sembahyang Jumaat maka sembahyang mereka itu sah.

---

(sambungan dari muka 4)

penerbitan kita, buku “Imāran” yang kita terbitkan mendapat tentangan yang hebat, dikoyak dan seumpamanya. Tetapi di belakang, hampir-hampir setahun kemudiannya mereka akui apa yang tersebut itu benar belaka bahkan Tengku Abdul Rahman sendiri memberi tahniah kepada pengarangnya tatkala berjumpa di Kedah, iaitu masa baru-baru ia memegang jawatan Yang di-Pertua UMNO. Ia menggalakkan, pada masa itu, supaya tiap-tiap orang di Kedah membaca buku itu.

Oleh itu kita pulangkan semuanya kepada kebijaksanaan pembaca untuk memerhati dengan fikiran yang tenang sambil berharap mudah mudahan Tuhan memberi inayah dan pertunjuk kepada kita bersama. Ingatlah firman Allah (maksudnya) barang siapa menolong (agama) Allah, Allah akan menolong mereka itu- Amin.

\*\*\*

### Maulid Nabi Sharīf

Perayaan maulid seperti yang kita adakan ini sebenarnya tidak ada dilakukan pada zaman Rasulullah (SAW) dan zaman sahabat-sahabat kemudiannya. Yang demikian ini terjadi ia pada zaman tahun dahulu iaitu tatkala keadaan semangat

Islam tidak berapa marak-dan kerana menghendaki semangat itu bernyala semua pada zaman Ṣaliḥ al-Dīn al-Ayyūbī perayaan yang semacam ini diadakan di merata-rata tempat sehingga hari ini.

Oleh yang demikian tatkala kita menyambut di hari yang mulia ini yang di dalamnya kita menyambut tiga hari yang utama bagi hayat junjungan kita itu iaitu pada tarikh itu baginda diperanakkan, pada tarikh itu baginda dinabikan dan pada tarikh itu juga kemudiannya baginda wafat.

Di dalam masa hayat junjungan kita itu masnaya dihabiskan semata-mata untuk menyatukan umat di dalam suatu ikatan mengesakan kebesaran Allah, tidak ada yang berkuasa selain daripadanya, segala sesuatu tidak akan terjadi melainkan dengan kudrat dan iradatnya, dan kerana itulah umat dikehendaki mengabdikan diri kepadanya.

Sehari sebelum wafat maka Rasulullah (SAW) di dalam keadaan yang izar telah berkhotbah di Masjid Madinah yang di dalamnya telah berpesan supaya umat jangan tersesat maka hendaklah berpegang kepada kitab Allah dan sanat Rasul-Nya. Di dalam kita memperingati hari yang mulia ini maka hendaklah kita menguatkan azam kita berpegang kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya di dalam kehidupan kita sehari-hari menerima segala pengajaran dan suruhan serta menjauhi daripada melakukan segala mungkar yang ditegahnya.

Pada hari inilah juga kita wajib menghidupkan azam kita bekerja dan bersatu di dalam kalimat al-Tawḥīd- menegakkan ibadat dan mendirikan masyarakat Islam di dalam negeri kita dengan tidak gentar walau sedikit pun kepada halangan dan ancaman oleh pengkhianat-pengkhianat dan musuh-musuh Islam atau oleh mereka-mereka yang ertopengkan Islam kerana kita yakin di dalam mendirikan kalimah Allah yang Maha Mulia tinggi Inshā Allāh, Allah akan menolong kita adanya.